



## Segala sesuatu dengan takdir, sehinggalah kelemahan dan kepintaran, atau kepintaran dan kelemahan

Daripada Tāwus, beliau berkata: Aku sempat bertemu dengan beberapa orang sahabat Rasulullah ﷺ, mereka berkata: "Setiap sesuatu adalah dengan takdir." Dan aku juga mendengar 'Abdullah bin 'Umar رضي الله عنهما berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: "Segala sesuatu dengan takdir, sehinggalah kelemahan dan kepintaran, atau kepintaran dan kelemahan."

[صحيح] [رواه مسلم]

Nabi ﷺ menerangkan bahawa setiap sesuatu dengan takdir; Sehinggalah kepada kelemahan, iaitu meninggalkan perkara yang wajib dilakukan, menanggung-nanggungkannya, serta melambatkannya daripada waktunya, dalam urusan-urusan dunia dan akhirat. Bahkan juga al-Kays, iaitu: kecergasan dan kepintaran dalam urusan dunia dan akhirat. Sesungguhnya Allah Ta'ala telah menakdirkan kelemahan, kepandaian dan segala sesuatu, dan tiada apa pun yang wujud melainkan telah didahului oleh ilmu dan kehendak-Nya.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65039>

